

29/05/1999

Mengukuhkan kedudukan Islam

Zulkofli Jamaludin; Mona Ahmad

KEJAYAAN mewujudkan perpaduan dan keharmonian kaum memerlukan kerjasama semua pihak. Malah, perpaduan menuntut semua kaum memupuk sikap baik sangka antara satu dengan lain untuk memastikan keharmonian terus terpelihara bagi memacu kejayaan lebih cemerlang.

Tidak hairanlah pencapaian an negara dikagumi oleh banyak negara, yang menganggap Malaysia boleh menjadi contoh kepada negara Islam lain. Ini diakui oleh Bai Putri Norhata M Alonto, Muslim pertama yang dilantik sebagai Penasihat Hal Ehwal Islam Presiden Filipina, yang kagum melihat bagaimana Malaysia dengan masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama dapat hidup dalam aman serta berjaya mengetepikan prasangka buruk yang boleh menjurus perpecahan dan persengketaan kaum.

Menurutnya, Filipina hanya mempunyai satu etnik bangsa dan dua agama utama, namun tidak dapat bersatu sepenuhnya, walaupun usaha dilakukan sejak 30 tahun lalu untuk mengeratkan perhubungan antara masyarakat Islam dengan Kristian.

Usaha ke arah itu diperjelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan menyatakan kejayaan sesebuah negara untuk membangun berkait rapat dengan soal perpaduan dan kerjasama rakyat.

Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk Islam tidak menafikan sumbangan bukan Islam kepada kemajuan dan kemakmuran negara menerusi penerimaan dasar penyusunan masyarakat yang dilaksanakan kerajaan. Hasil kerjasama itu, Malaysia menjadi sebuah negara yang stabil dan tidak berlaku pertentangan antara kaum dengan agama seperti di Kosovo dan Bosnia-Herzegovina.

Malah, Perdana Menteri turut menjelaskan generasi terdahulu bergaul baik dengan masyarakat bukan Islam, walaupun ada segelintir generasi baru tidak begitu menyesuaikan diri dengan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pengasingan umat Islam tidak akan membantu meningkatkan persefahaman antara agama kerana dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, rakyat perlu hidup secara harmoni untuk menikmati kemakmuran serta kemajuan.

Di Malaysia, masyarakat bukan Islam berkongsi kemakmuran dengan tidak menentang usaha menaikkan taraf hidup orang Melayu. Kerjasama itu adalah sebahagian daripada sumbangan mereka untuk mengekalkan perpaduan. Malah, untuk menyatakan masyarakat bukan Islam tidak menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara adalah salah kerana mereka turut sama menyumbang kepada kejayaan negara.

Persoalan itu dibincangkan secara mendalam pada seminar antarabangsa mengenai Peranan Peradaban Islam Dalam Meningkatkan Kefahaman Antara Agama, yang dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama kedutaan Sepanyol selama dua hari, berakhir Rabu lalu.

Penyelidik Fellow Tetap di Majlis Tertinggi bagi Penyelidikan Saintifik, Madrid, Sepanyol, Dr Manuel Marin, yang turut mengakui kepentingan itu berkata, ia dapat dibuktikan dengan pertukaran budaya dan kegiatan intelek antara masyarakat Islam dan Kristian di Al Andalus (Sepanyol) sekitar tahun 711 hingga 1492.

Dalam kertas kerja mengenai Penyertaan Warga Bukan Islam dan Pembangunan Masyarakat Islam dan Tamadun: Kajian Al Andalus, beliau menjelaskan, contoh paling ketara ialah pembinaan pintu gerbang berwarna-warni yang terdapat pada Masjid Cordova, di Sepanyol.

"Pada binaan ini, kedudukannya jelas menunjukkan ia adalah binaan Islam

yang diveduk dari Masjid Umayyad di Timur, tetapi sebahagian hiasan seperti gerbang bermotif hiasan seni budaya Kristian," katanya.

Satu lagi contoh yang menarik ialah apabila pemerintah Byzantine mengirinkan ensiklopedia botani tulisan Dioscorides kepada Khalifah Abdul Rahman 11 dan seorang paderi dari Greek dihantar untuk menterjemahkan buku itu ke dalam bahasa Arab bagi memudahkan pembacaannya.

Selain pertukaran budaya dan kegiatan intelektual, sumbangan bukan material juga dikenal pasti penyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Antaranya, perkahwinan campur antara masyarakat Islam dengan Kristian yang sering berlaku pada awal pembukaan Andalus, bagaimanapun maklumat mengenainya masih samar kerana kekurangan bahan sejarah.

Selain itu, beliau turut memetik contoh pandangan seorang duta yang juga paderi dari Jerman yang memberi pandangan terhadap kumpulan minoriti Kristian di bawah pemerintahan Khalifah Umayyad yang pertama, Abd Al Rahman pada kurun ke-10 Masihi.

Menurut Marin, duta berkenaan dilaporkan berkata kumpulan minoriti Kristian yang tinggal dalam kerajaan itu bebas mengadakan kegiatan harian, sama ada peribadi atau agama, dan orang Islam menghormati dan melayan mereka secara baik.

Selain itu, banyak jawatan pegawai kerajaan misalnya pemungut cukai dalam pemerintahan Islam waktu itu adalah orang Kristian yang bertugas memungut cukai bukan saja di kalangan penduduk Kristian, malah penduduk Islam. Masyarakat kini lebih bernasib baik kerana umat Islam dan bukan Islam dapat hidup serta bebas berinteraksi sesama mereka.

Dr Ibrahim Mohamad Zein dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ketika menggulung perbincangan kertas kerja Zaman Kegemilangan Islam: Beberapa Pengajaran Bagi Kebangkitannya? merumuskan empat perkara dalam usaha mencapai kegemilangan itu.

Antaranya, nilai murni yang dipraktikkan oleh semua pihak, termasuk pemimpin dan penduduk ketika zaman keagungan Islam adalah kunci utama bagi sesebuah masyarakat Islam untuk mencapai kegemilangan tamadun Islam; kedua, penekanan terhadap pembaharuan pendidikan dan politik perlu disemai dengan nilai murni; ketiga, perhubungan baik antara masyarakat Islam dengan bukan Islam penting dan perlu diterapkan dalam interaksi yang membina dan keempat, sebagai umat agama Islam, pengetahuan sains dalam kajian penyelidikan penting dalam usaha memberi sumbangan serta membina tamadun Islam.

Serentak itu, Ibrahim menjelaskan orang Islam perlu menyumbang bukan saja sebagai pengguna, tetapi sebagai pencipta teknologi. Adalah menjadi keperluan yang utama untuk menanam nilai murni di samping perhubungan budaya yang berpandukan ajaran Islam yang sebenarnya.

Rektor UIA, Prof Dr Mohd Kamal Hassan, dalam kertas kerja Zaman Keagungan Islam: Pengajaran Untuk Pemulihan pula menjelaskan negara dan masyarakat Islam perlu memperkukuh pendidikan sains, teknologi serta pertahanan untuk mengembalikan zaman keagungan peradaban Islam.

Menurutnya, rangka kerja yang lengkap untuk pembaharuan peradaban Islam adalah perlu bagi mencapai kejayaan lebih cemerlang dan ia menuntut pembaharuan dalam bidang pendidikan dan politik.

Pembaharuan dalam bidang pendidikan itu, termasuk meningkatkan sains dan teknologi tanpa memisahkan hubungannya dengan asas agama dan nilai etika serta merangkumi usaha meningkatkan taraf pendidik dan pendidikan universiti di semua peringkat dan mewujudkan budaya cintakan pengetahuan serta pembelajaran.

Dr Kamal berkata, pembaharuan politik pula perlu membabitkan semua 53 anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan mengukuhkan sistem demokrasi dan pentadbiran negara. Ia membabitkan kebebasan eksekutif, penghakiman dan undang-undang, keadilan untuk semua rakyat tanpa mengira

status serta keadilan ekonomi dan sosial.

Beliau menjelaskan banyak negara Islam terjejas disebabkan pemerintahan diktator tentera, yang mengamalkan pemerintahan autokrasi serta menekan parti yang menggunakan simbol Islam. Banyak persidangan antarabangsa yang membabitkan negara Islam gagal mencapai kesepakatan dalam isu antarabangsa kerana perbezaan kepentingan dan agenda atau pengaruh kuasa besar.

Saranan Dr Mohd Kamal itu sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak berwajib selaras hasrat Perdana Menteri yang mahukan setiap negara Islam berusaha mengukuhkan pegangan Islam di negara masing-masing dalam persiapan menghadapi alaf baru.

Jika setiap pemimpin kerajaan Islam berusaha mengukuhkan kedudukan Islam di negara masing-masing mengikut acuan dan pendekatan yang tepat, sudah tentu Allah akan memberi petunjuk kepada masyarakat negara itu untuk memaju dan mengukuhkan negara masing-masing.

(END)